

18/07/2001

Rahsia Dr Mahathir kelihatan lebih muda

Kadir Dikoh

PADA petang 31 Mac lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat panggilan ke kediaman rasminya, Seri Perdana di Putrajaya, memesan supaya disediakan nasi goreng kerana beliau ingin memakannya.

Ketika itu, Perdana Menteri di Tingkat 38, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno. Di tempat yang sama pada sebelah paginya, beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bermula jam 9 pagi.

Sepanjang hari, Dr Mahathir menghabiskan masa di PWTC dan beliau pula perlu hadir di Dewan Filharmonik Petronas untuk menyaksikan persembahan klasik Melayu oleh Tan Sri S M Salim dan Siti Nurhaliza, bermula tepat jam 9 malam.

Namun, mesyuarat MT Umno yang bermula jam 3.30 petang berlarutan dan masa begitu suntuk. Bagaimanapun, dalam perjalanan pulang dari PWTC, Dr Mahathir meminta pemandunya berhenti di restoran makanan segera sebelum tol Sungai Besi dan membeli sendiri burger.

Pelayan restoran makanan segera itu terkejut melihat Perdana Menteri datang sendiri membeli burger. Mereka semua terharu dan berbangga. Nasi goreng yang dipesannya tidak sempat dijamah kerana terpaksa bergegas ke Dewan Filharmonik di Menara Berkembar Petronas.

Pernah pada suatu Ahad, Dr Mahathir yang memandu sendiri keretanya, secara sopan 'marahkan' seorang pekerja di tol lebuh raya kerana gadis itu yang agak terkejut melihat Perdana Menteri dalam kereta, enggan menerima duit tol yang sedang dihulur oleh pemimpin negara itu.

"Mengapa saya tak boleh bayar tol sedangkan saya pengguna lebuh raya. Ambil ini (duit)," kata Dr Mahathir sebelum meneruskan perjalanan bersiar-siar pada hujung minggu.

Dr Mahathir amat tidak gemar melihat pemandu, termasuk pemandu peribadinya membuang resit tol sembarangan selepas membayarnya kerana menganggap perbuatan itu mengotorkan jalan raya.

Beliau juga memang dikenali amat gemar bersiar-siar pada Ahad atau cuti umum. "Seboleh-bolehnya, beliau tidak mahu ada acara rasmi pada hari itu," kata sumber yang rapat dengannya.

Jadual hariannya pada Ahad ialah menunggang kuda seawal jam 7 pagi lagi, sama ada di The Mines atau tempat baru lapang kuda di Putrajaya. Kemudian pada sebelah petang, beliau akan bersiar-siar, sama ada ke tapak projek tertentu, terutama yang ada kepentingan dengan kerajaan tanpa pengetahuan pemajunya atau ke pusat beli-belah di sekitar Kuala Lumpur.

Kunjungan ke pusat beli-belah inilah amat membimbangkan pengawalnya, bukan kerana takut keselamatan Perdana Menteri tetapi kerana diserbu oleh terlalu ramai peminatnya. Ada yang ingin mengambil peluang keemasan itu untuk bergambar bersama Dr Mahathir, meminta tandatangannya atau sekadar bersalam, sama ada di kalangan orang muda atau golongan tua.

"Dr Mahathir tidak pernah menolak permintaan itu dan akan melayan kerenah orang ramai, terutama pelajar," kata pembantunya.

Itulah Dr Mahathir, pemimpin yang mengetepikan protokol apabila tidak menghadiri sebarang acara rasmi. Beliau memang dikenali membawa bersama buku nota kecil ke mana saja dan akan mencatat apa yang dilihatnya sebagai tidak betul. Kemudian beliau akan memberitahu menteri yang bertanggungjawab ketika mesyuarat Kabinet.

"Setiap orang daripada kami (menteri) akan berasa gusar apabila Perdana Menteri mula mengeluarkan nota kecil itu daripada poketnya... mesti ada

yang tidak kena," kata seorang Menteri Kabinet.

Dari segi makanan, Dr Mahathir, menurut mereka yang rapat dengannya, tidak cerewet.

Beliau cuma makan sekeping roti bakar pada waktu pagi sebelum ke pejabat. Ketika makan tengah hari, kadangkala nasi sepinggan pun tidak habis. Hidangan lauk daripada pelbagai jenis, cuma dijamah sedikit sana, sedikit sini, sudah cukup baginya. Bayangkan, dua kakaknya boleh minum segelas air bersama.

Mungkin itu rahsia Perdana Menteri kelihatan jauh lebih muda daripada usia sebenar. Malah, pada usia 75 tahun, beliau masih cergas dan mempunyai stamina kuat walaupun kadangkala menghadiri majlis rasmi dari pagi hingga tengah malam. Beliau mampu melawat dua negeri dalam satu hari.

Pada satu majlis dialog di Konvensyen Sains Negara 2001, 5 Julai lalu, seorang peserta bertanya apakah rahsia Perdana Menteri sehingga tidak letih menghadiri banyak acara serta kelihatan lebih muda daripada usia sebenar.

Dr Mahathir menjawab: "Jika anda berminat melakukan sesuatu kerja, anda akan rasa untuk terus bekerja, dan anda tidak akan rasa letih."

Kemudian secara berseloroh, beliau berkata: "Kita perlu rehat yang cukup. Saya tidur dalam helikopter... bila turun, berucap. Naik balik, tidur, turun balik, berucap."

Sambung Dr Mahathir lagi: "Ada seorang staf saya, dari pagi hingga petang asyik di depan Internet... ini kerana minat. Saya tak tahulah apa dia tengok." Ini menyebabkan peserta konvensyen itu, saintis Melayu tidak kering gusi.

Ada satu perkara yang beliau tidak gemar, iaitu bunyi siren kereta peronda polis yang mengiringinya ke acara tertentu apabila ia dibunyikan di lokasi yang kurang tepat, seperti melalui jalan kampung yang boleh mengejutkan orang ramai.

Anggota polis yang biasa mengiringinya amat arif dengan perkara ini. Dr Mahathir akan membuat komen "ada orang baru ke?" apabila siren itu dibunyikan di tempat yang pada pandangannya, tidak kena.

Kepada kakitangannya sendiri, Dr Mahathir dikatakan tidak pernah atau jarang sekali memarahi mereka.

"Perdana Menteri lebih suka kita berterus terang. Kalau silap, dia tak marah. Sebaliknya, Perdana Menteri akan menasihati lain kali jangan buat lagi," kata seorang daripada mereka.

Kalangan orang yang rapat dengannya mengetahui Dr Mahathir rajin menulis dan membaca. Baru-baru ini, beliau mengambil keputusan untuk belayar tiga hari, bukan untuk berehat semata-mata, sebaliknya menulis ucapan. Ucapan yang agak tebal itu dibacanya selama sejam 57 minit pada Perhimpunan Agung Umno, 21 Jun lalu.

"Draf asal ucapan itu lebih tebal, bertemakan 'Melayu Mudah Lupa' tetapi kemudian beberapa perenggan dipotong," kata pembantunya. Ia adalah ucapan paling lama Presiden Umno itu dalam sejarah perhimpunan agung parti berkenaan.

Sepuluh hari kemudian, rekod itu dipecahkan oleh beliau sendiri apabila berucap 75 minit dan berdialog 70 minit yang keseluruhannya 145 minit pada Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Dewan Perdanasiswa, Universiti Malaya (UM).

Satu acara yang dikatakan amat digemari Dr Mahathir ialah berdialog dengan orang ramai, sama ada di simposium, seminar atau perjumpaan tertutup. Ini membolehkannya memperjelaskan sesuatu isu yang sebelum ini mungkin tidak atau kurang difahami orang ramai. Orang ramai pula ingin mengetahui dan mendengar penjelasan terus daripada Dr Mahathir.

Difahamkan, beberapa jam sebelum majlis penutup simposium di UM itu pada 1 Julai lalu, pegawai di Jabatan Perdana Menteri (JPM) meminta pihak

penganjur supaya jangan menapis sebarang pertanyaan yang bakal dikemukakan oleh mahasiswa kepada Perdana Menteri. Simposium itu sendiri menarik perhatian umum kerana kebakaran Dewan Tunku Canselor UM, tempat asal acara itu sepatutnya diadakan, sehari sebelum kedatangan Perdana Menteri.

Malangnya, pada majlis dialog itu, tiada siapa di kalangan peserta simposium yang mewakili semua IPTA dan IPTS tempatan bertanya mengenai isu semasa yang sensitif, terutama berkisar kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Inilah antara isu hangat di kalangan sesetengah mahasiswa tetapi mereka gagal mengambil kesempatan untuk mendengar penjelasan daripada Dr Mahathir sendiri.

"Sekurang-kurangnya pelajar bertanya mengapa kerajaan tidak membenarkan Anwar mendapat rawatan di luar negara. Saya rasa Perdana Menteri lebih daripada bersedia untuk menjawab supaya mesejnya terus sampai kepada sasaran," kata seorang pensyarah UM yang kagum dengan kebolehan Dr Mahathir menangani isu kontroversi.

Di kalangan wartawan, Dr Mahathir amat disukai, termasuk wartawan asing kerana ada saja berita menarik, termasuk berita sensasi daripada Perdana Menteri. Tanya apa saja, pasti Dr Mahathir menjawabnya.

"Tidak pernah lagi saya dengar Perdana Menteri menyebut perkataan 'no comment', semuanya dijawab. Kalau soalan itu ada niat jahat, beliau akan menjawabnya dengan penuh sindiran atau menempelak balik wartawan, terutama wartawan asing," kata seorang wartawan veteran.

Perkataan pertama yang kerap diungkap Perdana Menteri pada sidang akhbar ialah "Ha... apa nak tanya". Adakala beliau mengira "1, 2, 3... tak ada soalan? Terima kasih. Gurauan itu kemudian menyebabkan wartawan berebut-rebut bertanya soalan.

Pedagang mata wang antarabangsa, George Soros, adalah satu-satunya nama yang tidak sukai Dr Mahathir dan dianggap orang yang bertanggungjawab memiskinkan beberapa negara, termasuk Malaysia, dengan mencetuskan krisis kewangan serantau pada 1997/98. Baru-baru ini ada dakwaan mengatakan bahawa Soros terbabit membiayai akhbar Internet, Malaysiakini.com.

Pada satu sidang akhbar selepas melancarkan satu acara di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil pada 12 April lalu, Dr Mahathir menyindir seorang wartawan Malaysiakini.com.

Wartawan wanita itu bertanya mengenai isu semasa tetapi ditanya balik oleh Dr Mahathir, "awak dari mana?"

Apabila diberitahu, Perdana Menteri tidak menjawab soalnya tetapi menempelak balik dengan kata-kata berbunyi: "Ooo Malaysiakini.com. Apa khabar George Soros?"

Insiden membabitkan wartawan yang sama berterusan pada dua lagi sidang akhbar Perdana Menteri kemudian, iaitu selepas merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, 17 April lalu dan sekali lagi selepas Perhimpunan Veteran Umno di PWTC, 11 Mei lalu.

"Saya tak layan pertanyaan daripada orang yang bekerja dengan orang asing (Soros)," kata Dr Mahathir. Selepas itu, wartawan terbabit tidak lagi kelihatan pada sidang akhbar Perdana Menteri dan menurut sumber, dia 'menyerah diri'.

Kelmarin adalah ulang tahun ke-20 Dr Mahathir menyandang jawatan Perdana Menteri. Pada sidang akhbar selepas memberi ucapan di Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di ibu negara, wartawan mengucapkan tahniah sebaik sidang akhbar itu dimulakan sambil bertanya mengenai harapannya kepada masa depan Malaysia.

Selang dua soalan selepas itu, seorang wartawan tempatan yang bertugas dengan agensi berita asing terus bertanya kepada Dr Mahathir untuk berapa tahun lagi beliau akan menjadi Perdana Menteri. Seorang lagi wartawan asing kemudian bertanya apakah perkara yang dikesalinya sepanjang 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

Meskipun tidak menyebutnya secara khusus, wartawan berkenaan dipercayai cuba mengaitkan keputusan Dr Mahathir memecat Anwar daripada kerajaan dan parti pada September 1998.

Namun, Perdana Menteri tetap menjawabnya dengan kata-kata: "Saya tidak ada masa untuk berfikir mengenai kekesalan. Saya berpendapat, saya mungkin melakukan beberapa kesilapan. Ya... tetapi saya tidak boleh kesal dengan keputusan yang sudah saya buat walaupun ia mungkin amat tidak popular dan menyebabkan saya kehilangan sokongan. Tetapi saya percaya saya melakukan semua ini bagi kepentingan negara, bukan untuk diri saya, kerana saya akan pergi jua, saya tidak boleh kekal selamanya."

Laporan agensi berita asing seperti AFP, AP dan Reuters berkisar kepada ulang tahun itu, tidak pernah meninggalkan nama Anwar, peristiwa rusuhan dan demonstrasi jalanan.

Perkataan 'Asia's longest serving elected leader' dan lagu 'My Way' yang diminati Dr Mahathir memang menjadi antara bahan tulisan agensi berita asing sejak minggu lalu lagi, dalam laporan yang menyebut Dr Mahathir bakal mencecah tempoh 20 tahun memerintah.

Dalam laporannya kelmarin, Reuters umpamanya menyamakan tempoh 20 tahun kepemimpinan Dr Mahathir itu sama seperti Presiden Cuba, Fidel Castro.

AP yang melaporkan sidang akhbar Dr Mahathir kelmarin, antara lain menyatakan, 'Pemimpin paling lama di Asia enggan menyatakan bila beliau mungkin berundur.' Ia menambah: "Sepanjang tempoh itu, beliau menambah kuasa yang dimilikinya dan dikritik kerana menangkap lawannya, melemahkan badan kehakiman serta mengongkong media."

AFP pula melaporkan setelah 20 tahun, Dr Mahathir terus berkuasa di sebalik sokongan terhadap parti yang memerintah merosot dan bantahan yang semakin meningkat terhadap pemerintahannya. Dr Mahathir, 75, menurut agensi itu lagi, masih kuat bekerja walaupun pernah menjalani pembedahan pintasan koronari pada 1989, tidak menunjukkan tanda-tanda meletak jawatan pada bila-bila masa dalam tempoh terdekat.

Semua laporan itu bagaikan menjurus meminta Dr Mahathir cepat-cepat turun. Apa pun laporan mereka, Dr Mahathir tetap melayan wartawan walaupun diajukan soalan bermotif jahat.

"Jika Dr Mahathir mengundur diri suatu hari nanti, kita semua akan kehilangan seorang Perdana Menteri yang sentiasa mempunyai nilai berita untuk dimuatkan di dada akhbar. Tanya apa saja, kita pasti tidak kecewa dengan jawapannya," kata seorang rakan wartawan.

(END)